



Buddy UP Rewards

Tempoh Kempen: 15 Januari - 30 Jun 2024



Lebih Ramai Orang yang Anda Rujuk, Lebih Banyak Ganjaran!

Nikmati ganjaran tunai apabila anda merujuk rakan-rakan dan ahli keluarga anda kepada Prudential. Orang yang anda rujuk juga berpeluang menerima ganjaran tunai!

BERIKUT ADALAH CARANYA!

- 1 Imbas kod QR atau [klik di sini](#) untuk menyertai dan menghantar butiran rakan-rakan dan ahli keluarga anda (Orang yang Dirujuk).
- 2 Perancang Kekayaan atau Ejen Takaful kami akan menghubungi Orang yang Dirujuk.
- 3 Anda dan Orang yang Dirujuk berpeluang menerima ganjaran tunai sebanyak RM100 untuk setiap rujukan yang berjaya.



Imbas Kod QR

Ganjaran Kempen

Tahap	Premium/Sumbangan Tahunan Minimum	Ganjaran untuk Perujuk	Ganjaran untuk Orang yang Dirujuk
Tahap 1	RM1,800	RM100	-
Tahap 2	RM2,400	RM100	RM100

Nota: Untuk pelan premium berkala sahaja.

Rujuk sekarang dan nikmati ganjaran tunai bersama-sama!

Rujuk kepada Terma & Syarat pada halaman seterusnya untuk maklumat lanjut.

Terma & Syarat Buddy Up Rewards

1. Buddy Up Rewards ("Kempen") ini dianjurkan oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad dan Prudential BSN Takaful Berhad (secara kolektif dirujuk sebagai "Prudential", "Kita" atau "Kami"). Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk patuhi Terma dan Syarat Kempen ini dan sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang mungkin kami lakukan untuk Kempen dari semasa ke semasa dengan memperbaharui Terma dan Syarat ini dengan pemberitahuan awal, di mana notis tersebut akan diberikan oleh Prudential dengan cara dan kaedah yang ditentukan oleh Prudential. Dengan menyertai Kempen ini, anda juga bersetuju untuk tertakluk kepada Polisi Privasi kami yang boleh diakses melalui: <https://www.prudential.com.my/en/privacy-policy/> dan <https://www.prubsn.com.my/en/privacy-policy/>.
2. **Tempoh Kempen:** 15 Januari 2024 hingga 30 Jun 2024, kedua-dua tarikh adalah tertakluk.
3. Dengan menyertai Kempen ini, setiap Perujuk yang Layak (seperti yang ditentukan dalam Klausula 4) dan Orang yang Dirujuk yang Layak (seperti yang ditentukan dalam Klausula 5) bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di bawah.
4. **Kriteria untuk Perujuk yang Layak:**
 - a. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang berumur 18 tahun dan ke atas pada hari lahir akan datang ("Perujuk yang Layak"), kecuali ejen Prudential.
5. **Kriteria untuk Orang yang Dirujuk yang Layak:**

Seorang individu yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:

 - a. berumur 18 tahun dan ke atas pada hari lahir akan datang;
 - b. tidak ditetapkan terlebih dahulu dan/atau telah diberi khidmat oleh ejen Prudential yang berkaitan dengan Orang yang Dirujuk yang Layak yang bertujuan untuk membeli polisi insurans atau melanggan sijil takaful pada tarikh rujukannya kepada Prudential oleh Perujuk yang Layak;
 - c. belum menyertai kempen-kempen Prudential yang lain;
 - d. tidak mempunyai sebarang polisi insurans atau sijil takaful dengan Prudential, sama ada berkuat kuasa, dibatalkan atau ditamatkan pada tarikh rujukannya kepada Prudential oleh Perujuk yang Layak; dan
 - e. telah dirujuk kepada Prudential oleh Perujuk Yang Layak melalui Mekanisme Kempen yang ditentukan dalam Klausula 6.

Untuk mengelakkan keraguan, jika Orang yang Dirujuk merujuk pihak yang lain untuk menyertai Kempen ini, Orang yang Dirujuk pertama akan dianggap sebagai Perujuk yang Layak di bawah Kempen ini. Permohonan untuk pelan insurans/takaful Prudential hanya akan dianggap berjaya setelah pengeluaran polisi atau sijil takaful kepada Orang yang Dirujuk yang Layak dan polisi atau sijil berkuat kuasa sehingga Ganjaran Tunai dikreditkan
6. **Mekanisme Kempen:**
 - a. Perujuk yang Layak mesti mendaftar untuk Kempen ini melalui <https://dpartners.prudential.com.my/campaigns/buddyuprewards>
 - b. Setelah pendaftaran berjaya, Perujuk yang Layak boleh mula merujuk kepada Prudential dengan memberikan maklumat mengenai Orang yang Dirujuk.
 - c. Perujuk yang Layak diminta untuk mengesahkan bahawa beliau telah mendapat persetujuan dari Orang yang Dirujuk agar maklumat mereka diberikan kepada Prudential di bawah Kempen ini.
 - d. Perujuk yang Layak tidak boleh merujuk dirinya sebagai Orang Yang Dirujuk dalam Kempen ini.
 - e. Maklumat Orang yang Dirujuk akan diserahkan kepada ejen perkhidmatan yang ditetapkan oleh Prudential.
 - f. Orang yang Dirujuk yang Layak akan menerima notifikasi SMS daripada Prudential yang memaklumkan penyertaannya dalam Kempen ini, dan ejen perkhidmatan akan menghubungi Orang yang Dirujuk yang Layak mengenai produk dan perkhidmatan Prudential, kecuali Orang yang Dirujuk yang Layak telah memilih untuk tidak ikut serta mengikut Klausula 6(g) di bawah.
 - g. Orang yang Dirujuk yang Layak boleh memilih untuk tidak menyertai Kempen ini melalui pautan pembatalan di dalam SMS yang diterima daripada Prudential. Sekiranya Orang yang Dirujuk yang Layak memilih untuk tidak menyertai Kempen ini, penyertaan Orang Yang Dirujuk akan dibatalkan dan tidak dapat dirujuk lagi.

7. Ganjaran Kempen:

- a. Perujuk yang Layak dan/atau Orang yang Dirujuk yang Layak akan menerima ganjaran tunai berdasarkan premium atau sumbangan tahunan minimum polisi/sijil takaful yang dibeli/disertai oleh Orang yang Dirujuk dalam Tahap 1 dan 2 berikut (rujuk Jadual 1 di bawah) berdasarkan mekanisme kempen yang dinyatakan dalam Klausula 6 ("Ganjaran Tunai") dipenuhi:

Tahap	Premium/Sumbangan Tahunan Minimum	Ganjaran Tunai (RM)	
		Perujuk yang Layak	Orang yang Dirujuk yang Layak
Tahap 1	RM1,800	100	-
Tahap 2	RM2,400	100	100

Jadual 1

- b. Ganjaran Tunai dalam Klausula 7(a) di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Orang yang Dirujuk yang Layak telah membeli/menyertai sekurang-kurangnya satu (1) polisi atau sijil baru daripada Prudential dengan premium atau sumbangan tahunan minimum sebanyak RM1,800 dalam Tempoh Kempen, di mana polisi atau sijil tersebut telah diserahkan melalui PRUWay Plus/PruBSN Mobility, dan telah diluluskan dan dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) bulan dari bulan borang cadangan dikemukakan;
- ii. Perujuk yang Layak dan Orang yang Dirujuk, yang mungkin layak mendapat Ganjaran Tunai perlu memenuhi Terma dan Syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan dalam berdasarkan Jadual 1 di atas.
- iii. Perujuk yang Layak boleh menghantar seberapa banyak rujukan yang diingini dalam Tempoh Kempen dan layak untuk menerima satu (1) Ganjaran Tunai sahaja untuk setiap rujukan yang berjaya mengikut Terma & Syarat Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, Perujuk yang Layak hanya berhak menerima satu (1) Ganjaran Tunai tanpa mengira bilangan polisi insurans atau sijil takaful Prudential yang dibeli/disertai oleh setiap Orang yang Dirujuk yang Layak; dan
- iv. Sekiranya lebih daripada satu (1) Perujuk yang Layak berjaya merujuk Orang yang Dirujuk yang Layak yang sama, Perujuk yang Layak pertama akan berhak menerima Ganjaran Tunai.

8. Pengkreditan Ganjaran Tunai:

Pengkreditan Ganjaran Tunai akan dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari bulan polisi insurans atau sijil takaful Orang yang Dirujuk yang Layak diluluskan dan dikeluarkan (rujuk Jadual 2 di bawah) tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Polisi insurans atau sijil takaful baru yang dibeli/disertai oleh Orang yang Dirujuk yang Layak mesti berkuat kuasa pada masa pengkreditan; dan
- b. Sekiranya Perujuk yang Layak adalah pemegang polisi atau pemilik sijil Prudential yang sedia ada:
 - i. Polisi insurans atau sijil takaful terbaru yang dibeli/disertai oleh Perujuk yang Layak mesti berada dalam status aktif (contohnya, penyerahan, pembatalan, luput, *not taken up, work in progress* adalah tidak dianggap sebagai status aktif) pada masa pengkreditan; dan
 - ii. Perujuk yang Layak mestilah memastikan bahawa butiran akaun bank bagi polisi insurans yang dibeli/sijil takaful yang disertai yang terkini telah didaftarkan dalam sistem Prudential dalam tempoh yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah; dan
 - iii. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun bank pemegang polisi atau sijil yang direkodkan dalam polisi/sijil terkini Perujuk yang Layak. Untuk mengelakkan keraguan, Perujuk yang Layak yang merupakan pemegang polisi atau sijil Prudential tidak perlu mengemas kini/menukar butiran akaun bank yang didaftarkan melalui URL yang dinyatakan dalam Klausula 8(c).
- c. Sekiranya Perujuk yang Layak bukan pemegang polisi atau sijil Prudential pada bulan yang sama dengan bulan polisi/sijil Orang yang Dirujuk yang Layak berkuat kuasa:
 - i. Perujuk yang Layak mesti memberikan butiran akaun bank yang sah semasa proses pendaftaran dalam Klausula 6 (a) di atas atau melalui URL ini: <https://dpartners.prudential.com.my/campaigns/buddyuprewards/fulfillment>;
 - ii. Perujuk yang Layak perlu mengemukakan butiran akaun bank yang sah seperti yang dinyatakan dalam Klausula 8(c)(i) berdasarkan tempoh masa yang dinyatakan di Jadual 2 di bawah; dan

- iii. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun bank terkini yang diberikan oleh Perujuk yang Layak, berdasarkan bulan pemenuhan yang dinyatakan di Jadual 2 di bawah.
- d. Sekiranya Orang yang Dirujuk memenuhi syarat Tahap 2 seperti yang dinyatakan di Jadual 1 dalam Klausula 7(a) di atas:
 - i. Orang yang Dirujuk mesti memastikan bahawa butiran akaun bank didaftarkan dalam sistem Prudential pada tarikh akhir yang dinyatakan di Jadual 2 di bawah; dan
 - ii. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang polisi/sijil takaful yang telah didaftar dalam polisi/sijil takaful yang layak berdasarkan bulan pengkreditan yang dinyatakan di Jadual 2 di bawah.

Bulan Polisi/Sijil Orang yang Dirujuk yang Layak Berkuat Kuasa	Tarikh Akhir bagi Perujuk yang Layak dan Orang yang Dirujuk yang Layak untuk memberikan butiran Akaun Bank dan berdaftar di dalam sistem Prudential	Bulan Pengkreditan Ganjaran Tunai Kempen
Januari 2024	29 Februari 2024	April 2024
Februari 2024	31 Mar 2024	Mei 2024
Mar 2024	30 April 2024	Jun 2024
April 2024	31 Mei 2024	Julai 2024
Mei 2024	30 Jun 2024	Ogos 2024
Jun 2024	31 Julai 2024	September 2024
Julai 2024	31 Ogos 2024	Oktober 2024
Ogos 2024	30 September 2024	November 2024
September 2024	31 Oktober 2024	Disember 2024

Jadual 2

- e. Ganjaran Tunai akan terbatal sekiranya:
 - i. Perujuk yang Layak/ Orang yang Dirujuk yang Layak belum memberikan butiran akaun bank kepada Prudential selewat-lewatnya pada tarikh akhir seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di atas;
 - ii. Pengkreditan Ganjaran Tunai tidak berjaya kerana butiran akaun bank yang tidak sah atau status akaun bank yang tidak sah (digantung, dibatalkan atau ditamatkan); dan/atau
 - iii. Sebab-sebab lain yang menyebabkan pengkreditan Ganjaran Tunai tidak berjaya.
- f. Sebarang pembayaran oleh Prudential mengikut butiran akaun bank yang diberikan oleh anda akan dianggap sebagai pembayaran penuh dan Prudential akan dilepaskan sepenuhnya daripada obligasi berkenaan Ganjaran Tunai dan tidak akan mempunyai sebarang kewajipan lanjut.
- 9. Kempen ini adalah di bawah kawalan undang-undang Malaysia dan anda bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia. Kempen ini tidak sah jika mana-mana terma dan syarat dilarang atau dihadkan oleh mana-mana undang-undang tempatan, kebangsaan, negeri atau undang-undang kerajaan.
- 10. Kedua-dua Perujuk yang Layak dan Orang yang Dirujuk yang Layak harus mematuhi semua undang-undang anti-rasuh, termasuk US Foreign Corrupt Practices Act, UK Bribery Act, Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance, Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, dan segala peraturan dan anduan yang berkaitan dengannya. Prudential berhak membatalkan penyertaan anda tanpa pemberitahuan sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran undang-undang sehubungan dengan penyertaan anda dalam Kempen ini.
- 11. Tanpa mengambil kira apa-apa yang bercanggah dengan kandungan Kempen ini, jika:
 - a. Prudential mengetahui atau diberitahu bahawa Perujuk yang Layak dan/atau Orang yang Dirujuk yang Layak telah dimasukkan dalam mana-mana senarai Sanksi, atau diancam untuk dimasukkan ke dalam mana-mana senarai Sanksi; atau
 - b. Prudential boleh didapati melanggar obligasi Sanksi akibat mengambil apa-apa tindakan di bawah Kempen ini, maka Prudential akan membatalkan kelayakan Perujuk dan/atau Orang yang Dirujuk yang Layak secara serta-merta dengan atau tanpa notis awal kepada Perujuk dan/atau Orang yang Dirujuk yang Layak.
 Prudential tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh Perujuk yang Layak dan/atau Orang yang Dirujuk yang Layak yang mungkin tertimbul daripadanya. "Sanksi" merujuk kepada langkah-langkah sekat yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri sasaran oleh badan antarabangsa atau kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury, Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat dan Kementerian Dalam Negeri di Malaysia.
- 12. Prudential mempunyai pertimbangan mutlak dan hak untuk menolak kelayakan penerimaan Ganjaran Tunai sekiranya mana-mana Terma dan Syarat menurut Kempen ini tidak dipenuhi, termasuk tidak memenuhi syarat penyaringan Prudential.
- 13. Ganjaran Tunai tidak boleh dipindah milik, tidak dapat ditukar dan tidak boleh ditebus dengan kredit atau dalam bentuk barang.
- 14. Perujuk yang Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan ketepatan maklumat dan maklumat Orang yang Dirujuk yang Layak pada setiap masa. Prudential juga boleh meminta maklumat lebih lanjut dari Perujuk yang Layak untuk menentukan kesahihan setiap maklumat yang diberikan, termasuk sama ada terdapat unsur penipuan atau keterlaluan.
- 15. Prudential mempunyai hak untuk memutuskan berkenaan dengan semua perkara dan pertikaian mengenai Kempen ini untuk melayani anda seadilnya, termasuk menggantikan Ganjaran Tunai dengan hadiah/ganjaran lain yang setara.
- 16. Prudential mempunyai hak untuk meminda Terma dan Syarat Kempen ini, dan untuk menggantung, menamatkan, menangguhkan atau mengubah Kempen ini dengan notis awal kepada anda. Cara pemberitahuan pindaan (jika ada), penggantungan, penamatan, kelewatan atau perubahan adalah mengikut budi bicara Prudential, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaparkan perkara yang sama dalam mana-mana laman web Prudential atau laman media sosial.
- 17. Prudential tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan oleh Perujuk yang Layak dan/atau Orang yang Dirujuk yang Layak atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Perujuk yang Layak dan/atau Orang yang Dirujuk yang Layak dalam Kempen ini, kecuali jika tuntutan tersebut secara langsung disebabkan oleh kecuaian Prudential atau kemungkir yang disengajakan.
- 18. Prudential mempunyai hak sepenuhnya untuk membatalkan, menghentikan atau menangguhkan Kempen ini dengan pemberitahuan awal. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan oleh Prudential tidak akan memberi anda hak untuk menuntut sebarang tuntutan terhadap Prudential atas sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan.
- 19. Untuk semua maksud dan tujuan, Terma dan Syarat Kempen ini serta apa-apa Ganjaran Tunai yang disediakan di sini tidak akan menjadi sebahagian daripada cadangan insurans/takaful atau ditafsirkan sebagai perubahan kepada terma dan syarat di bawah cadangan untuk polisi insurans/sijil takaful Orang yang Dirujuk yang Layak di mana cadangan tersebut tertakluk kepada pemprosesan standard dan/atau peraturan pengunderitan Prudential.
- 20. Keputusan Prudential mengenai semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Sebarang surat-menjurat, rayuan dan bantahan tidak akan dilayan.
- 21. Terma dan Syarat ini boleh diterjemahkan ke dalam bahasa lain. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan versi terjemahan lain, versi Bahasa Inggeris adalah diperakui.